

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**HADIS BERKAITAN KHUTBAH JUMAAT DAN KEBERKESANANNYA
DALAM KOMUNIKASI DAKWAH**

**[HADITH RELATED TO FRIDAY SERMON AND ITS EFFECTIVENESS
IN DAKWAH COMMUNICATION]**

NURULHUDA IZYANA HAMZAH^{1*}
SYED NAJIHUDDIN SYED HASSAN¹
NUR SAADAH HAMISAN@KHAIR¹

¹Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 78100 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: nurhuda5296@raudah.usim.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Khutbah Jumaat ialah ucapan berbentuk syarahan yang disampaikan oleh seorang khatib pada hari Jumaat. Khutbah juga merupakan salah satu medium dakwah secara lisan yang menjadi saluran untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada umat Islam. Walau bagaimanapun, mutu khutbah pada masa kini masih dipengaruhi oleh jangka masa dan keadaan semasa yang mana dibimbangi tidak memberi kesan positif kepada pendengar. Sebagai contoh, wujud segelintir ahli jemaah yang tidak mengambil perhatian dan manfaat serta kebaikan daripada pelaksanaan solat Jumaat iaitu mendengar khutbah. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif utama: Untuk menjelaskan keberkesanannya khutbah Jumaat sebagai salah satu metodologi dakwah; dan untuk menghuraikan hadis Nabawi yang membincangkan tentang kewajipan mendengar khutbah dan mengerjakan solat Jumaat. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang kepentingan mendengar khutbah Jumaat serta perkara-perkara yang tidak digalakkan semasa khatib sedang berkhutbah. Hal ini kerana, khutbah mengandungi pelbagai pesanan dan intipati yang bermanfaat bagi pendengar untuk memantapkan akidah di samping untuk terus menguatkan kepercayaan kepada Allah SWT. Ia juga menjadi benteng penguat kepada iman umat Islam dan merupakan salah satu wasilah yang berkesan dalam konteks dakwah.

Kata kunci: Hadis, Khutbah Jumaat, Keberkesanannya, Dakwah.

Abstract

Friday sermon is a speech in the form of a lecture delivered by a preacher on Friday. It is also one of the forms of oral preaching, which is a channel to convey information and knowledge to Muslims. However, the quality of sermons nowadays is still influenced by the timeframe and the

current situation, which is feared to have a negative effect on the listeners. For example, there are a few members of the congregation who do not pay attention to the benefits and virtues of performing the Friday prayer, which is listening to the sermon. Therefore, this study was conducted to achieve two main objectives: (1) to explain the effectiveness of the Friday sermon as one of the da'wah methodologies; and (2) to explain the Prophet's hadith, which discusses the obligation to listen to the sermon and perform the Friday prayer. By using a qualitative method, this study can give awareness to the Muslim community about the importance of listening to the Friday sermon as well as things that are not encouraged while the preacher is preaching. This is because the sermon contains various messages and essences that are beneficial for the listeners to strengthen their beliefs, in addition to continuing to strengthen their faith in Allah SWT. It is also a fortress that reinforces the faith of Muslims and is one of the most effective wasilahs in the context of da'wah.

Keywords: Hadith, Friday Sermon, Effectiveness, Preaching.

Cite as: NurulHuda Izyana Hamzah, Syed Najihuddin Syed Hassan & Nur Saadah Hamisan@Khair. 2022. Hadis Berkaitan Khutbah Jumaat dan Keberkesanannya dalam Metodologi Dakwah [Hadith Related To Friday Sermon And Its Effectiveness In Dakwah Communication]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 183-196.

PENGENALAN

Khutbah ialah antara cabang penting dalam politik, rohani, sosial dan keagamaan terhadap masyarakat Arab pada fasa pra-Islam yang telah bermula pada abad ke tujuh dan ke lapan Masihi (Qutbuddin, 2007). Khutbah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *khutbah* dan *khataabah*. Menurut Al-Hajilan (2002), perkataan ‘*khutbah*’ bermaksud yang berkhutbah di atas mimbar, manakala (Hamid, 1999), menyatakan khutbah ialah kata-kata yang disampaikan secara berintonasi atau tidak berintonasi atau kedua-keduanya, untuk mempengaruhi dan memujuk pendengar. Perkataan yang disampaikan melalui khutbah Jumaat mengandungi perkara yang berunsurkan nasihat dan pengajaran (Nawawi, 1980).

Menurut Al Jurjani (1988), salah satu seni pertuturan yang disampaikan melalui pendengaran dan penglihatan ialah khutbah. Khutbah mempunyai garis panduan tertentu yang telah ditetapkan supaya maklumat yang didengari dan diterima mampu meyakinkan pendengar supaya menyetujui mesej yang disampaikan (Mahfuz, 1983). Justeru, berdasarkan kepada penjelasan tersebut, dapatlah difahami dan disimpulkan bahawa khutbah Jumaat telah menjadi salah satu metodologi dakwah yang penting bagi mendidik masyarakat serta menyebarkan maklumat di samping meningkatkan kesedaran mengenai ajaran Islam.

KEPENTINGAN KHUTBAH JUMAAT TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Pada awal tahun 1980-an, Malaysia telah menjalankan dasar Islamisasi dengan menjadikan khutbah sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan pendapat kerajaan serta institusi keagamaan (Samuri & Hopkins, 2017). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) peringkat

negeri merupakan antara pihak yang telah dipertanggungjawabkan dalam pengolahan dan penulisan teks khutbah Jumaat. Selain menjadi peneraju utama dalam pengurusan pentadbiran dan rujukan dalam hal ehwal keagamaan, JAKIM dan institusi fatwa peringkat negeri juga diberikan kepercayaan untuk mempertahankan prinsip dan undang-undang Islam yang sebenar (Meuleman, 2011). Justeru, jelaslah bahawa peranan pihak berkuasa agama peringkat negeri merupakan antara pihak yang memberi sumbangan terbesar dalam menjayakan kegiatan dakwah Islamiyyah di Malaysia.

Pelaksanaan khutbah Jumaat bukan hanya sekadar menjadi salah satu rukun wajib dalam solat Jumaat, ia juga mampu membantu masyarakat supaya sentiasa sensitif terhadap permasalahan yang berlaku pada masa kini. Hal ini kerana, isi kandungan khutbah Jumaat masa kini banyak membincangkan tentang isu semasa yang terjadi di dalam atau di luar negara. Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berkata, pihak JAKIM Malaysia sentiasa memastikan kandungan teks khutbah Jumaat adalah bersangkutan dengan permasalahan yang sentiasa dihadapi oleh masyarakat walaupun mungkin ia tidak menarik perhatian sesetengah pihak, akan tetapi membantu dalam menyelesaikan isu yang berbangkit (Siti Fatihah, 2021). Kandungan teks khutbah yang tertumpu kepada isu semasa di sesebuah negara atau tempat adalah ciri-ciri teks khutbah yang baik di samping kaedah penyampaiannya yang serasi dengan pendengar (Munirah et al., 2020).

Dalam pada itu, khutbah Jumaat juga membantu pihak berkuasa agama negeri dalam meningkatkan kefahaman masyarakat Islam khususnya, berkaitan ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah. Hal ini kerana, ia mengandungi pelbagai topik seperti prinsip-prinsip keislaman yang merangkumi akidah, ibadah, pengurusan Islam, etika (*muamalah*) Islam dan sebagainya. Misalnya, khutbah Jumaat di Sri Lanka menumpukan kepada tema-tema tertentu seperti teologi dan ritual (Jazeel, 2020). Sementara itu, khutbah Jumaat di Negeri Pahang banyak membincangkan tentang tema yang berkaitan dengan kewajipan mempelajari ilmu fardhu ain seperti syariah, ibadah atau fiqh, misalnya pelaksanaan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadan, pengharaman arak dan judi dan sebagainya (Zulkefli et al., 2016). Jelaslah bahawa, khutbah telah menjadi tempat untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan memberi inspirasi kepada masyarakat di samping membantu kehidupan individu dan masyarakat Islam (Saifulah et al., 2017).

KEBERKESANAN KHUTBAH JUMAAT DALAM METODOLOGI DAKWAH

Nabi Muhammad SAW telah menggunakan pelbagai metode dalam berdakwah, antaranya dengan mengajar, mendidik dan membimbing serta *Uswah al-Hasanah*, iaitu dengan menunjukkan contoh dalam pelaksanaannya (Mariam & Marlon, 2016). Baginda SAW merupakan sebaik-baik teladan yang wajib diikuti dan dicontohi oleh seluruh manusia di muka bumi ini. Dakwah adalah antara usaha untuk menyebarkan syiar Islam supaya diamalkan dan diikuti serta menjadi landasan dan cara hidup bagi yang mengikutinya (Asmaji Muchtar & Naufal Ahmad Rijalul, 2019). Ia merupakan komunikasi secara langsung yang melibatkan penutur (pendakwah) dan pendengar. Dakwah adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan usaha umat Islam dalam mendalami dan mengukuhkan keimanan serta membantu mereka menjalani kehidupan yang berlandaskan prinsip Islam. Usaha untuk

mengislamkan orang bukan Islam juga termasuk dalam definisi dakwah kerana ia merujuk kepada inisiatif untuk memperbaiki kehidupan orang yang beriman (Meuleman, 2011).

Pada masa kini, dakwah telah disampaikan melalui pelbagai cara bagi menarik perhatian masyarakat Islam khususnya, untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam. Hal ini tercetus apabila, masyarakat Islam pada masa kini mengamalkan suatu ajaran secara *taqlid* (melulu) tanpa difahami dan dikaji dahulu tentang kesahihan suatu bidang ilmu. Misalnya, berkaitan pengamalan dan penerimaan hadis secara *taqlid* tanpa dikaji status dan pendapat ahli hadis disebabkan sikap sambil lewa mereka (Mohd Shukri & Faisal Ahmad Shah, 2018). Justeru, khutbah Jumaat mampu mendidik dan membimbing masyarakat tentang kepentingan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah di samping menyedarkan mereka mengenai akhlak Islam dengan memberi tumpuan kepada aspek disiplin dan ketertiban dalam masyarakat (Ali-Agan, 2016). Ia mengandungi pelbagai topik-topik penting yang merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat muslim khususnya seperti akidah, ibadah, akhlak, moral, maqasid dan sebagainya. Isi kandungan khutbah Jumaat sesuai untuk dijadikan rujukan dan diaplikasikan di peringkat masyarakat, keluarga dan negara (Munirah et al., 2020).

Di samping itu, khutbah Jumaat juga adalah antara peluang untuk melaksanakan pembaharuan dalam agama dengan mengutamakan isu-isu yang penting khususnya dalam bidang ibadah. Contohnya, bagaimana kaedah pelaksanaan solat secara berjemaah apabila berlakunya wabak COVID-19, dengan meneliti semula dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah berkaitan hal tersebut. Perkara ini amat penting untuk didedahkan kepada masyarakat Islam melalui khutbah Jumaat bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan wabak tersebut. Oleh hal yang demikian, mereka harus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh (Nasihah et al., 2020), hampir keseluruhan teks khutbah Jumaat sepanjang isu penularan wabak COVID-19 telah menyebut tentang usaha-usaha untuk menghentikan jangkitan wabak tersebut di Malaysia. Malah, jemaah juga diseru agar sentiasa mengikuti (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan dan mereka juga diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan diri sepanjang masa. Khutbah Jumaat juga boleh dijadikan sebagai kritikan sosial tentang keadaan yang dihadapi oleh masyarakat Islam serta membantu mereka menyelesaikan isu dan permasalahan yang timbul (Cipto Wardoyo, 2016)

Seterusnya, ia mampu menyatukan masyarakat Islam khususnya melalui isi yang disampaikan. Seperti mana yang kita tahu, salah satu objektif dakwah adalah untuk menyatukan hati-hati manusia khususnya masyarakat Islam di dunia, supaya mereka sentiasa bersatu hati dan teguh mempertahankan Islam daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir buruk golongan anti-agama. Peralihan teknologi pada masa kini telah menyebabkan berlakunya pemesongan akidah serta golongan anti Islam yang semakin agresif dalam menentang Islam, seperti membida'ahkan amalan-amalan yang tidak begitu jelas di sisi agama (Mohamad Adib et al., 2019). Menurut Muammar Ghaddafi (2019), permasalahan tersebut boleh mencemarkan perpaduan masyarakat Islam walaupun pelbagai fatwa dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama untuk mengatasi ancaman yang merosakkan perpaduan umat Islam di Malaysia khususnya. Justeru, selain menjadi salah satu metode dalam penyampaian dakwah, khutbah Jumaat juga berkesan dalam menyatukan umat Islam di seluruh negara khususnya Malaysia. Hal ini kerana, ia adalah rukun wajib dalam pelaksanaan solat Jumaat yang diadakan pada setiap minggu, serta mengumpulkan umat Islam daripada pelbagai latar belakang untuk melaksanakan kewajipan

mereka di samping membantu dalam menyelesaikan permasalahan sosial yang dihadapi. Khutbah juga menjadi tempat berkumpulnya umat Islam dan membuka peluang untuk mereka membincangkan permasalahan sekaligus menyelesaikannya (Bukhari & Gondal, 2020).

Sementara itu, khutbah Jumaat juga memberi perubahan yang positif terhadap masyarakat Islam. Ini kerana, mereka boleh mendapatkan pelbagai ilmu dan mengetahui isu semasa serta permasalahan yang berlaku. Menyampaikan khutbah adalah salah satu kaedah untuk mendekati masyarakat Islam dengan ilmu pengetahuan dan maklumat (Ahmad Faisol et al., 2020). Isi kandungan khutbah juga memainkan peranan penting yang memberi pengaruh terhadap perubahan tingkah laku masyarakat Islam khususnya. Menurut Muktaruddin et al., (2017), khutbah yang baik seharusnya mampu menangani setiap isu serta permasalahan yang dihadapi oleh jemaah (pendengar). Isu atau permasalahan yang dihadapi bukan sahaja berkaitan pelaksanaan ibadah *mahdah* dengan baik, tetapi juga permasalahan terkini. Di samping itu, kebanyakan khutbah mengandungi ajaran Islam yang menyeru umat Islam memperdalamkan keimanan kepada Allah SWT, serta sentiasa berusaha melakukan kebaikan dan menghindari kemungkaran. Khutbah dikatakan sebagai sebuah perbincangan yang berupaya mempengaruhi atau meyakinkan pendengar untuk melaksanakan apa yang disampaikan (persuasif) (Nasihah et al., 2020). Oleh itu, berdasarkan kepada perbincangan tersebut, terbukti bahawa khutbah Jumaat merupakan metodologi dakwah yang paling sesuai untuk dilaksanakan kerana ia mampu mengubah tingkah laku negatif masyarakat Islam khususnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang keberkesanannya metodologi dakwah melalui penyampaian khutbah Jumaat menurut perspektif hadis. Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen melalui fakta, data, maklumat, dan bukti bahan seperti buku, artikel jurnal, dan kajian-kajian lepas serta kitab-kitab hadis yang berkaitan. Pengkaji juga turut menghuraikan hadis-hadis yang membincangkan tentang kewajipan melaksanakan solat Jumaat dan mendengar khutbah dalam kalangan umat Islam.

ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual di bawah, hadis berkaitan diam dan mendengar semasa khatib berkhutbah telah diriwayatkan oleh perawi-perawi daripada *kuttub al-sittah*. Ia diriwayatkan oleh perawi-perawi yang diyakini *thiqah* oleh para ulama dan ada diantaranya merupakan sahabat baginda Rasulullah SAW. Misalnya, Abu Hurairah yang menjadi periwayat pertama yang menerima hadis tersebut terus daripada Rasulullah SAW, dengan penggunaan lafaz "*akhbarohu*" dan "*anna*". Beliau merupakan seorang perawi yang *thiqah* tanpa wujud sebarang keraguan kerana beliau antara sahabat yang rapat dengan baginda Rasulullah SAW di samping menghafal hadis-hadis yang diterima terus daripada baginda SAW.

Imam Shafi'i mengatakan bahawa beliau merupakan sahabat nabi yang paling banyak menghafal hadis dan ulama-ulama lain juga tidak mengkritik keperibadian beliau sebagai periwayat hadis. Antara perawi-perawi lain yang juga meriwayatkan hadis ini daripada Abu Hurairah ialah, Sa'id al-Musayyab, Ibn Syihab, al-Zuhri, Uqail, Malik, Sa'id, Ibn Abi Zi'bin,

al-Laits, al-Qa'nabi, Sababah bin Suwar, Yahya bin Bukair, Muhammad Rumhin al-Muhajir, Qutaibah bin Said dan Abu Bakar Abi Saibah.

Jadual 1: Hadis Kewajipan Mendengar Khutbah

Hadis	Maksud
<p>حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْلَّيْثُ، عَنْ عُفَيْلٍ، عَنْ ابْنِ شَهَابٍ، قَالَ: أَخْبَرَنِي سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيْبِ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِثْ، وَالإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغُوتَ</p>	<p>“Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Bukair berkata, telah menceritakan kepada kami Al-Laits daripada Uqail daripada Ibn Syihab berkata telah menghabarkan kepadaku Said bin al-Musayyab bahawa Abu Hurairah telah menghabarkan kepadanya, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, “Jika kamu berkata kepada sahabatmu pada hari Jumaat: Diam dan ketika itu imam sedang berkhutbah, maka sesungguhnya kamu telah lagha (melakukan perkara yang sia-sia)” (Bukhari, no.934)</p>
<p>وَحَدَّثَنَا فُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، وَمُحَمَّدُ بْنُ رُمْحَ بْنِ الْمُهَاجِرِ، قَالَ ابْنُ رُمْحٍ: أَخْبَرَنَا الْلَّيْثُ، عَنْ عُفَيْلٍ، عَنْ ابْنِ شَهَابٍ، أَخْبَرَنِي سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيْبِ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ: أَنْصِثْ، يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَالإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغُوتَ</p>	<p>“Telah menceritakan kepada kami, Qutaibah bin Said dan Muhamad bin Rumhin bin al-Muhajir berkata Ibnu Rumhi telah menghabarkannya kepada kami Laits dari Uqail dari Ibnu Shihab telah menghabarkan kepada saya Said bin al-Musayyab dar Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda "Jika kami berkata-kata kepada sahabatmu pada hari Jumaat, maka diamlah!, ketika imam sedang berkhutbah maka perbuatanmu sia-sia." (Muslim, no. 851)</p>
<p>حَدَّثَنَا فُتَيْبَةُ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْلَّيْثُ بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ عُفَيْلٍ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ قَالَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالإِمَامُ يَخْطُبُ: أَنْصِثْ، فَقَدْ لَغَأَ</p>	<p>“Telah menceritakan kepada kami Qutaibah telah menceritakan kepada kami Al-Laits dari Uqail dari Al-Zuhri dari Sa'id bin Al-Musayyab dar Abu Hurairah ia mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda "Barang siapa yang berkata 'diamlah' pada hari Jumaat ketika imam membaca khutbah, maka solat Jumaatnya <i>lagha</i> (sia-sia)". (Tirmidhi, no.512)</p>
<p>حَدَّثَنَا الْقَعْنَيُّ، عَنْ مَالِكٍ، عَنِ ابْنِ شَهَابٍ، عَنْ سَعِيدٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا قُلْتَ: أَنْصِثْ وَالإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغُوتَ</p>	<p>“Telah menceritakan kepada kami, al-Qa'nabi dari Malik dari Ibn Syihab dari Sa'id dar Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Apabila kamu berkata 'diamlah!' ketika imam sedang berkhutbah, maka sia-sia lah Jumaat kamu.” (Abu Daud, no. 1112)</p>
"	
<p style="text-align: right;">أَخْبَرَنَا فُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا</p>	<p>“Telah menceritakan kepada kami Qutaibah telah menceritakan kepada kami Laits dari Uqail dari al-</p>

اللَّيْثُ، عَنْ عُقَيْلٍ، عَنِ التُّهْرِيِّ، عَنْ سَعِيدٍ
بْنِ الْمُسَيْبِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ قَالَ
لِصَاحِبِهِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ
أَنْصِتْ فَقَدْ لَعَا".

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ قَالَ: حَدَّثَنَا
شَبَابَةُ بْنُ سَوَّارٍ، عَنِ ابْنِ أَبِي ذِئْبٍ، عَنِ
التُّهْرِيِّ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبِ، عَنْ أَبِي
هُرَيْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:
"إِذَا قُلْتُ لِصَاحِبِكَ: أَنْصِتْ، يَوْمَ الْجُمُعَةِ
وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَعَوتَ"

Zuhri dari Said bin al-Musayyab dari Abu Hurairah dari Nabi Muhammad SAW bersabda, "Barangsiapa pada hari Jumaat berkata kepada sahabatnya, 'diamlah' ketika imam sedang berkhutbah, maka ia telah melakukan perkara yang sia-sia". (al-Nasai'e, no. 1739)

"Telah menceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abi Saibah telah menceritakan kepada kami Sababah bin Suwar dari Ibn Abi Zi'bin dar al-Zuhri dar Said bin al-Musayyab dari Abu Hurairah sesungguhnya Nabi Muhammad SAW bersabda, "Apabila kamu berkata kepada sahabatmu 'diamlah di hari Jumaat', imam sedang berkhutbah!, maka kamu telah melakukan perkara sia-sia". (Ibn Majah, no. 1110)

Selain itu, hadis ini menyeru umat Islam tentang kewajipan mendengar khutbah Jumaat. Baginda Rasulullah SAW melarang seseorang berkata "diam" kepada jemaah lain ketika imam menyampaikan khutbah. Hal ini kerana, perbuatan tersebut adalah salah satu perbuatan yang sia-sia (*lagha*) walaupun perkara tersebut menjurus kepada amar makruf dan nahi mungkar. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Khuzaimah, kalimah "*inshat*" dalam hadis bermaksud "diam" dan tidak bercakap kepada jemaah lain selain berzikir kepada Allah. Akan tetapi, hujah beliau dipersoalkan kerana zikir dan membaca al-Quran juga tidak dibolehkan semasa imam membaca khutbah. Hal ini kerana, yang dimaksudkan dengan "diam" itu adalah tidak mengeluarkan sebarang pertuturan atau diam secara total.

Justeru, ijma' ulama telah bersepakat bahawa lebih baik diam dan memberi perhatian ketika imam sedang menyampaikan khutbah. Perbuatan sedemikian adalah lebih *afdal* daripada berzikir sendiri, membaca al-Quran dan berdoa. Jika hendak berbuat kebaikan, maka hendaklah dengan memberi isyarat (Ibn Hajar, 1379). Hadis ini membawa maksud bahawa segala perkara yang menyebabkan jemaah hilang fokus semasa mendengar atau diam ketika khutbah disampaikan, boleh menjadikan amalan Jumaat-nya menjadi sia-sia. Jika hendak berbuat kebaikan, maka hendaklah dengan memberi isyarat walaupun tidak terdapat khilaf ulama tentang memberi isyarat kerana di dalam solat memberi isyarat itu, dibolehkan, maka perbuatan tersebut juga dibolehkan dalam khutbah. Selain tidak mendapat ganjaran dan fadilat berkaitan kelebihan solat Jumaat, mereka juga tidak mendapat sebarang input-input yang baik dan positif serta ilmu pengetahuan daripada khutbah Jumaat tersebut.

Selain daripada perkataan, perbuatan anggota badan juga boleh menyebabkan solat Jumaat menjadi sia-sia (*lagha*). Oleh itu, menulis juga termasuk dalam larangan dari sudut pergerakan anggota badan ketika imam menyampaikan khutbah. Hal ini bagi menghindari situasi-situasi yang polarisasi seperti penggunaan aplikasi-aplikasi semasa seperti, SMS, WhatsApp dan sebagainya semasa khutbah. Hal ini kerana, segelintir jemaah akan mencipta dan

membuat pelbagai alasan dan andaian seperti "Kami hanya menulis dan tidak berkata-kata.". Hadis riwayat Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW,

مَنْ شَوَّهَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ، فَاسْتَمَعَ وَأَنْصَتَ، غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ، وَزِيادةً
ثَلَاثَةً أَيَّامٍ، وَمَنْ مَسَ الْحَصَى فَقَدْ لَعَا. (مسلم: 857)

Maksudnya: "Siapa yang berwuduk dan membaguskan wuduknya, sesudah itu dia pergi solat Jumaat dan mendengarkan khutbah dengan tenang, maka diampuni Allah SWT doa-dosanya hingga Jumaat yang akan datang, tambah tiga hari. Dan siapa yang memegang-megang kerikil (walaupun untuk menghitung-zikir yang dibacanya ketika imam berkhutbah) maka sia-sia lah Jumaatnya"

(Muslim, no. 857)

Hadis tersebut melarang jemaah bermain atau menyentuh kerikil (batu) dan yang sewaktu dengannya, semasa imam menyampaikan khutbah kerana ia adalah salah satu perbuatan yang sia-sia. Menurut pendapat al-Nawawi, dalam hadis tersebut terdapat isyarat yang menyeru para jemaah supaya menumpukan sepenuh tumpuan dan perhatian (hati dan anggota badan) ketika khutbah Jumaat. Isyarat tersebut datangnya daripada kalimah 'lagha' dalam hadis tersebut yang bermaksud perbuatan yang dilarang, sia-sia dan tercela (Al-Nawawi, 1994).

Sesetengah pendapat mengatakan bahawa, menulis isi khutbah sebenarnya, tidak tercakup dalam larangan kerana ia membantu dalam meningkatkan tumpuan dan pemahaman masyarakat. Malah, perkara tersebut adalah berbeza dengan perbuatan yang terdapat dalam hadis iaitu, bermain batu kerikil dan berkata "diam". Akan tetapi, tidak semestinya perbuatan tersebut akan membuatkan jemaah menumpukan sepenuh perhatian terhadap khutbah yang disampaikan. Misalnya, dia terlalu sibuk menulis sehingga tidak mendengar isi khutbah yang sedang disampaikan oleh imam. Selain itu, perbuatan ini juga boleh mendatangkan fitnah kerana menghilangkan fokus jemaah lain untuk melihat apa yang kita tulis daripada khutbah tersebut.

Akan tetapi terdapat pengecualian dalam larangan pergerakan anggota badan semasa khutbah Jumaat, jika perbuatan tersebut membantu untuk lebih fokus terhadap khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib. Sebagai contoh, perbuatan untuk menghilangkan rasa mengantuk ketika mendengar khutbah Jumaat. Hadis riwayat Ibn Umar RA sabda Rasulullah SAW,

إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَتَحَوَّلْ مِنْ جَلِسِهِ ذَلِكَ إِلَى عَيْرِهِ. (أبو داود: 1119)

Maksudnya: "Apabila salah seorang mengantuk di dalam masjid (ketika khutbah Jumaat) maka hendaklah ia pindah (beralih) tempat duduk tempat duduk yang lain"

(Abu Daud, no. 1119)

Dalamuraian Sahih Muslim ada disebutkan, bagi orang yang mengantuk, diperintahkan kepadanya untuk tidur atau melakukan perkara-perkara lain bagi menghilangkan

rasa mengantuknya. Pernyataan tersebut berbentuk umum samada untuk solat wajib atau solat sunat, solat malam mahupun siang menurut pendapat majoriti para ulama (Al-Nawawi, 1994). Perbuatan beralih tempat duduk adalah disunatkan, supaya tidak mengantuk dan fokus terhadap isi kandungan khutbah yang disampaikan di samping memahaminya. Jadi, tidak semua pergerakkan anggota badan tidak dibolehkan atau dilarang semasa khutbah Jumaat berlangsung. Hal ini bagi meningkatkan kefahaman ilmu pengetahuan dan fokus jemaah terhadap khutbah Jumaat tersebut.

Beralih tempat duduk semasa khutbah Jumaat disebabkan perbuatan (mengantuk) tersebut, tidak dilarang dan dianggap sebagai perbuatan yang *lagha*. Jika mengantuk semasa mendengar khutbah Jumaat, maka jemaah disunatkan untuk beralih tempat duduknya ke tempat duduk lain di dalam masjid. Walau bagaimanapun, sekiranya saf telah pun penuh semasa khutbah Jumaat, maka perbuatan tersebut tidaklah perlu dilakukan kerana dibimbangi mengganggu ketenteraman jemaah lain. Walaupun begitu, mereka boleh melakukan perkara lain selain mengalihkan tempat duduk seperti memicit badan, leher dan lain-lainnya untuk menghilangkan kantuk.

Berdasarkan kepada huraian tersebut, dapat disimpulkan bahawa jemaah seharusnya memberi sepenuh perhatian dan tumpuan ketika khutbah Jumaat disampaikan kerana isi kandungan khutbah mengandungi pelbagai input dan solusi yang berkesan khususnya berkaitan syariat Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari di samping peranan utamanya sebagai medium dakwah yang berkesan. Khutbah Jumaat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecerdasan intelek dan meningkatkan ilmu agama serta boleh digunakan sebagai medium dakwah yang paling ampuh dan berkesan (Nasirudin et al., 2022). Oleh itu, objektif dakwah dalam khutbah Jumaat tercapai sekiranya hadis tersebut difahami dan diamalkan oleh masyarakat Islam khususnya.

Dalam pada itu, kewajipan menunaikan solat Jumaat juga turut dinyatakan di dalam surah al-Jumu'ah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْحَسِيرُونَ
(الجمعة: 9)

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”

(Al-Qur'an, al-Jumu'ah:9)

Allah SWT memerintahkan umat Islam khususnya kaum lelaki untuk bersegera ke masjid bagi melaksanakan solat Jumaat apabila telah masuk waktu. Malah, mereka juga perlu meninggalkan segala urusan-urusan keduniaan seperti berjual-beli, mencari rezeki dan sebagainya. Kewajipan menunaikan solat Jumaat dikuatkan lagi dengan hadis Riwayat Abu Ja'ad al-Dhamri,

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعَ تَحَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ. (أبو داود: 1052)

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat Jumaat kerana mengambil ringan akannya, nescaya Allah akan mengunci jantung hatinya”
 (Abu Daud, no. 1052)

Hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdillah RA, sabda Rasulullah SAW,

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ ضَرُورَةٍ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ. (النسائي: 1669)

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali, tanpa dharurat, maka Allah akan mengunci mati jantung hatinya”
 (al-Nasai’i, no. 1669)

Kedua-dua hadis tersebut mempunyai persamaan berkaitan dengan ancaman bagi orang yang meninggalkan kewajipan solat Jumaat. Solat Jumaat ialah ibadah wajib yang disyariatkan ke atas kaum lelaki yang *mukallaf* dengan syarat-syarat tertentu. Sabda Rasulullah SAW,

الْجُمُعَةُ حُقُّ واجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ إِلَّا أُرْبَعَةُ عَبْدُ مَلُوكٍ أَوْ امْرَأَةً أَوْ صَبَّيْ أَوْ مَرِيضٌ.
 (أبو داود: 1067)

Maksudnya: “Solat Jumaat ialah tanggungjawab yang wajib ke atas setiap muslim secara berjemaah melainkan kepada empat golongan, iaitu hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak dan orang sakit”
 (Abu Daud, no. 1067)

Menurut al-‘Ayni (1999) yang mengulas hadis riwayat Abu Daud tersebut dengan berkata, “topik ini menghuraikan tentang kuatnya ancaman untuk umat Islam yang sengaja tidak menuaikan solat Jumaat tanpa sebab (keuzuran). Penambahan kalimah *تحاونا بها* oleh beliau yang bermaksud: “Meninggalkannya disebabkan culas dan bermalas-malasan dalam pelaksanaannya”. Manakala, al-Qari (2002), mensyarahkan hadis tersebut dengan memetik kata-kata daripada Al-Thibi yang menyatakan, “(Meninggalkannya untuk menghina)”. Setelah itu, dipetik juga pendapat lain yang menyatakan: “Mengambil ringan dengan tidak melaksanakannya (meninggalkannya)”.

Dilarang meninggalkan ibadah solat Jumaat dengan sengaja atau mengambil mudah berkaitan dengan ibadah wajib tersebut. Solat Jumaat ialah ibadah yang wajib dilaksanakan seperti yang tertakluk dalam syariat Islam kecuali jika berlaku keuzuran yang meliputi keselamatan, kesihatan dan masa (Anas Mohd & Irwan Muhd, 2020). Jika perkara tersebut berlaku, maka pelonggaran syarak diharuskan. Oleh hal yang demikian, maka jelaslah bahawa ancaman atau peringatan yang dinyatakan dalam hadis ditujukan kepada mereka yang sengaja meninggalkan ibadah tersebut tanpa sebab (keuzuran) yang diharuskan di sisi syarak. Mereka yang tidak termasuk di dalam hadis tersebut ialah, yang tidak melaksanakan solat Jumaat disebabkan keuzuran seperti masalah kesihatan, keselamatan dan kekangan waktu.

Melaksanakan ibadah solat Jumaat dan mendengar khutbah Jumaat merupakan antara amalan yang terpuji dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT bagi sesiapa yang

melaksanakannya dan mendapat ancaman serta peringatan seperti yang dibincangkan dalam hadis bagi yang sengaja meninggalkannya tanpa sebab (keuzuran). Sabda Rasulullah SAW,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْبَيْتَةِ، وَإِنَّمَا لِإِمْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ هَاجَرَ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأٌ يَتَزَوَّجُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

(البخاري: 6689)

Maksudnya: “Sesungguhnya, setiap perbuatan adalah berdasarkan niat dan setiap orang itu diganjari berdasarkan apa yang diniatkannya. Barangsiapa yang hijrahnya itu untuk Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu untuk Allah SWT dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia atau perempuan yang ingin dikahwininya, maka hijrahnya adalah untuk apa yang dihijrahkan kepadanya”

(al-Bukhari, no. 6689)

Setiap amalan yang dilakukan dengan niat yang baik kerana Allah SWT, akan dibalas dengan ganjaran pahala di dunia dan akhirat, dan jika sebaliknya maka akan dibalas setimpal dengan perbuatan buruk yang dilakukan. Imam al-Ghazali berkata, niat yang baik bersama hati yang ikhlas kerana Allah SWT, adalah lebih tinggi kedudukannya daripada pekerjaan yang diniatkan semata-mata untuk mendapatkan ganjaran dunia. Niat yang ikhlas tersebutlah yang menjadikan amalan seseorang diterima oleh Allah SWT, dan niat yang jahat akan menghapuskan perasaan taat kepada-Nya serta membuatkan seseorang itu sering melakukan perbuatan maksiat. Perbuatan tersebut hanya akan merugikan kerana tidak mendapat apa-apa ganjaran daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui segala sesuatu.

KESIMPULAN

Khutbah ialah medium ilmu dan penyampaian maklumat serta isu semasa yang berlaku pada masa kini. Oleh itu, keberkesanan metodologi dakwah dalam khutbah Jumaat adalah bergantung kepada sejauh mana jemaah mampu memberi tumpuan yang baik dan fokus semasa khatib membaca khutbah. Maka, dari situ kita boleh lihat adakah jemaah memahami apa yang disampaikan atau sekadar mendengar tetapi tidak memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan. Terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyebut tentang kewajipan mengerjakan solat Jumaat dan mendengar khutbah khusus untuk masyarakat Islam supaya mereka sedar akan kepentingan perkara tersebut.

Khutbah Jumaat bukan sahaja menjadi komponen yang wajib dalam solat Jumaat, tetapi juga sebagai perhimpunan mingguan umat Islam. Di samping menjadi medium untuk mendidik dan memotivasi masyarakat, ia juga memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan individu dan masyarakat Islam khususnya (Saifulah et al., 2017). Sebagai medium dakwah Islamiyyah yang utama, kualiti teks khutbah Jumaat juga seharusnya diambil perhatian yang sewajarnya supaya objektif dakwah dapat dicapai iaitu untuk mencegah kemungkaran supaya manusia sentiasa berada pada jalan Allah SWT. Dengan itu, program-program berkaitan dakwah bukan sahaja boleh dipelajari dan didengari melalui khutbah Jumaat, malah ia juga

boleh didapati melalui media cetak mahupun media massa. Pihak berwajib juga perlu mempelbagaikan program-program keagamaan yang bukan sahaja tertumpu di intitusi keagamaan dan institusi pengajian tinggi, tetapi juga aktiviti-aktiviti yang berbentuk perbincangan bersama ahli agamawan.

RUJUKAN

Al-Qur'an

'Ali Mahfuz. 1983. *Fan al-Khutbah wa I'dad al-Khatib*. Mesir: Dar Al-Nasr.

Abu Bakr Imam Ali-Agan. 2016. An Appraisal Of Shaykh Kishk's Khutbah Presentation. *Intellectual Discourse* 24(1): 157–169.

Adib Mohamad Salih, Halimi Mohd Khalid, Rosmila Abdul Kahar, & Wan Aina Mardhiah. 2019. Analisis Terhadap Model-Model Penilaian Laman Sesawang Islam Berbentuk Dakwah di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(3): 263–282.

Ahmad Faisol Yusof, Tajul Edrus Nordin, Mohd Zikri Mohd Zaki, & Nor Syamimi Samsudin. 2020. A Study of Mosque Mimbar Entrance. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 102–115.

Anas Mohd Bukhari & Irwan Mohd Subri. 2020. Mendepani Cabaran Pandemik Covid-19 Di Malaysia: Aplikasi Konsep Murunah Dalam Fiqh Ibadah. *Perdana* 9(1):11–23.

Asmaji Muchtar & Naufal Ahmad Rijalul Alam. 2019. Da'wah Ecology: The Concept Of Education And Development Da'wah In A Whole. *Humanities and Social Sciences Reviews* 7(4): 730–735.

Al-'Asqalani, Ibn Hajar. 1379. *Fathul Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ma'rifah.

Al-'Ayni, Badr al-Din Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa. 1999. *Sharh Sunan Abi Daud*. Riyadh: Maktabah al-Rasyad.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail. 1980. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha.

Cipto Wardoyo. 2016. Directive Speech Acts Performed In Khutbah (Islamic Friday Sermon). In. *Ninth International Conference on Applied Linguistics (CONAPLIN 9)*. 5-6 October 2016, Bandung, Indonesia, hal. 224–227.

'Abd al-'Aziz Muhammad 'Abd Allah al-Hujaylan. 2002. *Khutbah al-Jum'ah wa Ahkamuha al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Wizarah al-Shu'un al-Islamiyyah wa Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.

Jazeel, M. I. M. 2020. Friday Sermon (Khutbah) In Character Building And Social Development In A Minority Context: The Case Of Mosques In Sri Lanka. *Sri Lankan Journal of Arabic and Islamic Studies* 28(1): 52–59.

Al-Jurjani, Abu Bakr Abdul Qahir ibn Abdul Rahman. 1988. *Mu'jam al-Ta'rifat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Mariam Abd Majid & Marlon Pontino Guleng. 2016. Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8(1): 31–48.

Meuleman, J. 2011. Dakwah, Competition for Authority, And Development. *Journal of the Humanities and Social Science of Southeast Asia* 167(3): 236-269.

- Mohd Shukri Mohd Senin & Faisal Ahmad Shah. 2018. Hadith-Hadith Masyhur Berkaitan Al-Faḍā'il: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor. *Journal of Usuluddin* 46(2): 27–66.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2019. Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(2): 68–86.
- Muktaruddin, Abdullah, & Syukur Kholil. 2017. The Jamaah's Assessment on Friday Sermon at the Mosques of Medan city , Indonesia. *Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)* 22(9): 77–89.
- Munirah Zakaria, Syaimak Ismail, Farah Hamizah, Nazrudin Hashim, Mohd Zainodin, & Kamarulzaman Sulaiman. 2020. Teks Khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018: Analisis Tajuk Dan Status Hadith. *Jurnal 'Ulwan* 5(1): 169–189.
- Al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri. 1955. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Toyyibah.
- Nasirudin, Laili Etika, Miftakhul Huda, & Harun Joko. 2022. Ustaz Adi Hidayat's Repetitive Language Style in Friday Sermons and Its Relevance as Indonesian Language Teaching Materials in Senior High Schools. In. *Proceedings of the International Conference of Learning on Advance Education (ICOLAE 2021)*. 20-21 December 2022, Jawa Tengah, Indonesia, hal. 312–323.
- Nasihah Hashim, Ainal Akmar, Maizatul Azura & Arina Johari. 2020. Retorik Persuasif Dalam Khutbah Covid 19. In. *Webinar NARADATA 2020 Bahasa, Sastera dan Budaya Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik*. 3 December 2020, Kedah, Malaysia, hal. 67–72.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali. 2001. *Sunan Kubra*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. 1980. *Al Majmu' Sharh al Muhadhdhab*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. 1994. *Al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Bayrut. Al-Dar al-'Alamiyyah.
- Al-Qari, 'Ali Ibn Sultan Muhamad. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Samuri, A., & Hopkins, P. 2017. Voices of Islamic Authorities : Friday Khutba in Malaysian Mosques Voices of Islamic Authorities : Friday Khutba in Malaysian. *Islam and Christian-Muslim Relations* 28(1): 47-67.
- Saifulah Samsudin, Abdul Manan Yusof, Husni Abdullah, Hamid Mat Isa, & Qarratuljannati. 2017. Analisis Metode Penterjemahan Hadis Dalam Teks Khutbah Jumaat Terbitan JAIS Berasaskan Teori Semantik Komunikatif. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 2(6): 116-128.
- Al-Sijistani, Abu Dawwud Sulayman bin Al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abu Daud*. Bayrut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Siti Fatimah Awang. 2021, April 4. Jakim Sentiasa Pastikan khutbah Jumaat ikut Isu Semasa. *Sinar Harian Online* .<https://www.sinarharian.com.my/article/131920/BERITA/Nasional/Jakim-sentiasa-pastikan-khutbah-Jumaat-ikut-isu-semasa> [3 Julai 2022].

- Soleh Abdullah Hamid. 1999. *Manhaj fi i'dad Khutbah al-Jumu'ah*. Riyadh: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa Awqat wa Da'wah wal Irshad.
- Syed Abdul Ghaffar Bukhari, & Abdul Qadir Gondal. 2020. Friday Sermon as a Channel to Resolve the Ethical Issues in Contemporary Muslim Societies. *Al-Qamar* 3(1): 57–62.
- Qutbuddin, T. (2007). Khutba: The Evolution Of Early Arabic Oration. In. B. Gruendler (Ed.), *Classical Arabic Humanities In Their Own Terms: Festschrift for Wolfhart Heinrichs* (hal.176-273). Leiden, NL: BRILL.
- Zulkefli Ahmad, Khairulnizam Karim, & Suzy Aziziyana Saili 2016. Analysis on Inter-Faith Relations in Friday Sermon Texts in Pahang, Malaysia: A Preliminary. *Ijern* 3(3): 193–204.